


INFO KAMPUS

Feb 2021



116215

Info kampus Feb 2021 / UiTM Cawangan
Sarawak

Courtesy Visit
Datuk Hi Abdul Karim
Rahman Hamzah

**UiTM
SARAWAK**

*pays courtesy visit to the
Chief Minister
of Sarawak*

MOA
UiTM & STOMA SDN BHD

KAIB 2020
Soars to Greater Heights

innosTRE
First Hybrid Conference

YBhg. Profesor Dr. Firdaus Abdullah, Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa telah dilantik sebagai salah seorang panel penilai untuk lawatan tapak beberapa agensi penguatkuasa di seluruh negeri Sarawak sempena Anugerah Kualiti Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (AKPANS) 2020 bagi Anugerah Kecemerlangan Penguatkuasaan (AKP) 2020.

Antara agensi penguatkuasa yang terlibat adalah Majlis Perbandaran Sibuan, Majlis Perbandaran Padawan, Sarawak Forestry Corporation, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sarawak, Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Sarawak, Jabatan Hutan Sarawak dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Negeri Sarawak.

Panel penilai telah diketuai oleh Tuan Haji Adana Haji Jed, Pengarah Unit Integriti dan Ombudsman Negeri dan dibantu ahli-ahli panel lain yang terdiri daripada Encik Saferi Ali (Timbalan Peguam Besar Negeri, Jabatan Peguam Besar Negeri), Encik Mohd Zaki Hassan (Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Negeri Sarawak), Encik Khirudin bin Drahan @ Hussaini (Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Cawangan Sarawak), Puan Ivy Suli Untup (Pegawai Undang-Undang, Kementerian Kerjaan Tempatan dan Perumahan Sarawak) serta Puan Rabiah Zaidan (Penolong Kuantanan Negeri Kanan, Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak).

PANEL PENILAI MELAWAT TAPAK sempena Anugerah Kualiti

**Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak
(AKPANS) 2020**



ANUGERAH AKADEMIK UNIVERSITI 2019

Pengarang:

Prof Madya Dr. Corina Joseph

Pada 10 September 2020 telah berlangsungnya Majlis Penganugerahan Akademik Universiti 2019 bertempat di Dewan Agung Tuanku Canselor, UiTM Shah Alam. Sebanyak tujuh kategori utama dan enam kategori khas telah dipertandingkan. Seramai tiga orang pensyarah UiTM Sarawak telah memenangi satu kategori utama dan dua kategori khas di dalam acara berprestij tersebut.

Rektor UiTM Sarawak, YBhg. Prof Dato' Dr Jamil Hamali telah memenangi kategori khas - Anugerah Kepimpinan Akademik 2019. Anugerah ini diberikan kepada pemimpin akademik yang komited, terlibat secara menyeluruh dan berterusan dalam proses penemuan ilmu, penjaanahan kekayaan universiti dan memenuhi aspirasi jabatan sebagai jentera pembangunan universiti dan masyarakat ke arah meningkatkan kualiti kehidupan manusia sejagat. Sanjungan serta pingat yang diterima daripada kerajaan negeri di atas penglibatan signifikan YBhg. Prof Dato' di dalam sektor pendidikan di Sarawak juga memberikan sumbangan ke atas kemenangan di peringkat UiTM ini. Nilai anugerah adalah RM2,000.00 berserta medal dan sijil penghargaan dari Universiti Teknologi MARA.

Prof. Madya Dr. Margaret Chan merupakan penerima kategori khas - Anugerah Penyelidik Terbaik UiTM (Kelompok Sains Sosial dan Teknologi). Anugerah ini diberikan kepada penyelidik yang memenuhi kriteria: 1) Memperoleh jumlah geran penyelidikan terbanyak (RM) dalam tempoh tiga (3) tahun terakhir; 2) Menjadi ketua penyelidik terbanyak; 3) Mempunyai bilangan penyelidikan terbanyak yang telah disempurnakan pada tempoh yang ditetapkan; dan 4) Menghasilkan penyelidikan yang memberi impak yang signifikan. Anugerah ini adalah selaras dengan pencapaian gemilang Dr Margaret yang menduduki tempat pertama "Top 10 Researchers" di Universiti Teknologi MARA. Nilai anugerah adalah RM2,000.00 berserta medal dan sijil penghargaan dari Universiti Teknologi MARA.

Manakala untuk kategori utama, Anugerah Penerbitan Makalah Jurnal 2019 (Kelompok Sains Sosial dan Kemanusiaan) telah dimenangi oleh Prof. Madya Dr. Corina Joseph. Artikel beliau bertajuk 'Realising sustainable development goals via online integrity framework disclosure: Evidence from Malaysian and Indonesian local authorities' telah diterbitkan di Journal of Cleaner Production (Q1) dan diindeks di dalam Web of Science serta mempunyai faktor impak 7.1 di dalam tahun 2019. Penulis-penulis bersama yang lain adalah Dr. Juniati Gunawan (Universitas Trisakti, Indonesia), Mariam Rahmat, Nero Madi, Dr. Tamoi Jangu dan Prof. Dr. Nafsiyah Mohamed (Accounting Research Institute). Nilai anugerah adalah RM5,000.00 berserta medal dan sijil penghargaan dari Universiti Teknologi MARA.

Sementara itu, Puan Carolyn Ann dari UiTM Kampus Mukah merupakan salah seorang pemenang Anugerah Open and Distance Learning (ODL) 2020 yang mula diperkenalkan pada tahun ini. Pemilihan pemenang adalah berdasarkan pencalonan tertinggi yang dibuat oleh para pelajar di dalam menghargai usaha pensyarah di dalam mengendalikan pengajaran secara efektif semasa ODL.





UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

PID
PROFESSIONAL MUTAWWIF
DEVELOPMENT



NGANI MEMORANDUM PERSEFAAMAN (ANTAR
MARA SARAWAK



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

INFOKAMPUS

Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Cawangan Sarawak
94300 Kota Samarahan,
Sarawak,
Malaysia
+6082 677 200

ISSN: 2232-1578



9 772232 157005